



## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 27 FEBRUARI 2019

1. ORANG RAMAI SERBU RUMPUT KARPET
  - SINAR HARIAN
2. USAHA MEMANFAATKAN HERBA KITA
  - UTUSAN MALAYSIA
3. CARI JAGUNG TERBAIK ATASI KEBERGATUNGAN IMPORT
  - HARIAN METRO

DISEDIAKAN OLEH :

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT

(MADA)

18

RENCANA

# Orang ramai serbu rumput karpet

Jadi tarikan selepas tular di media sosial, fenomena setiap kali musim panas

WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR & ROSHLIA MURNI ROSLI

YAN

Rumput karpet di Kampung Pulau Tembun, Sungai Limau Dalam, dekat sini yang tular di laman sosial berjaya menarik kehadiran orang ramai untuk melawat daerah ini selepas fenomena jerami padi gulung.

Ahli Majlis Daerah Yan, Mohd Ridzwan Arshad Ahmad berkata, fenomena tersebut menjadi daya tarikan baharu kepada pelancong tempatan dan luar.

Menurutnya, rumput tersebut tumbuh selepas tali air tersebut ditutup dan fenomena itu hanya berlaku setiap kali selepas musim menuai padi tiba terutamanya pada musim panas.

"Saya tidak sangka rumput ini mampu menarik perhatian orang ramai untuk hadir ke daerah Yan tanpa mengeluarkan sebarang kos tetapi sebaliknya dengan kuasa viral sahaja di media sosial."

Hari ini ALLAH SWT telah menganggerahkan rumput ini kepada daerah Yan sebagai salah satu tarikan pelancong dan memberi manfaat kepada penduduk sekitar seperti peniaga yang berada di sekitar ini," katanya kepada Sinar Harian semasa turun merintau ke kawasan tersebut, semalam.

Mohd Ridzwan berkata, pihaknya akan menjadikan fenomena tersebut

sebagai salah satu produk pelancongan terbaru di daerah ini jika ia berlaku secara bermusim pada setiap tahun.

"Kita boleh lihat sepanjang tali air sejauh hampir lima kilometer ini hampir dipenuhi dengan rumput ini yang sesuai untuk menjadi lokasi untuk bergambar dan berkumpul untuk aktiviti-aktiviti berkumpulan."

"Selepas fenomena gulungan jerami padi, sekarang hadir pula rumput-rumput ala karpet pula. Ini memang satu anugerah buat Yan yang merupakan daerah pelancongan dan warisan," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk, Mohd Afiq Hafizuddin berkata, kebanyakannya mereka yang ke lokasi tersebut adalah mereka dari luar daerah ini.

Menurutnya, dia bangga kerana daerah tersebut semakin dikenali ramai hanya disebabkan fenomena berkenaan.

"Sebelum ini rumput ini hanya berada di tepi tali air sahaja namun kali ini ia hampir memenuhi tali air menyebabkan ada beberapa netizen mengambil gambar dan tularkannya di media sosial sehingga tempat dan kejadian ini dikenali ramai," katanya.

**Saya tidak sangka rumput ini mampu menarik perhatian orang ramai untuk hadir ke daerah Yan tanpa mengeluarkan sebarang kos."**

- Mohd Ridzwan



RABU 27 FEBRUARI 2019 • SINAR HARIAN

Mohd Ridzwan (kiri) dan Mohd Afiq melihat rumput di Kampung Pulau Tembun, Sungai Limau Dalam, Yan yang kini tular di media sosial.

## Tumbuh setiap kali kemarau

TUNJANG - Kewujudan rumput karpet di kawasan tali air yang kering di Kampung Pida 2, di sini bukanlah fenomena baharu, malah ia telah wujud sejak dahulu lagi.

Seorang penduduk yang dikenali Atikah, 23 berkata, rumput berkenaan akan tumbuh setiap kali musim panas tiba.

Katanya, selain Kampung Pida 2, beberapa kampung berdekatan turut mengalami keadaan sama.

"Tapi kat kawasan lain ada air kat tengah-tengah antara rumput itu, mungkin kat Pida 2 ni tanah dia kering kontang, bolehlah pengunjung nak bergambar," katanya.

Menurutnya,

dia agak terkejut apabila fenomena ini mulai tular dan menjadi tarian orang ramai untuk bergambar.

"Bagi penduduk sini, ia fenomena biasa sebab dari kecil lagi kami dah biasa main kat situ bila musim kering. Siap berkhemah lagi."

"Tapi muangin zaman sekarang ni orang lebih tertarik untuk ambil gambar kat tempat yang unik macam ni untuk kenangan," katanya.

Tambahnya, selain rumput karpet berkenaan, kampungnya itu turut popular dengan jerami gulung sehingga ramai jurugambar dari luar Kedah berkunjung ke sini.

Sementara itu, Exco Pelancongan negeri Kedah, Mohd Asmirul Anuar Aris berkata, dua fenomena berkenaan menjadi daya tarikan kepada pelancong luar berkunjung ke negeri ini pada musim panas.

"Saya berterima kasih kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) yang menjadi pencetus kepada fenomena jerami gulung."

"Dalam masa sama, rakyat Kedah sendiri bijak menjadikan dua situasi ini tarikan," katanya.



Rosli Osman, 53, tidak melepaskan peluang bergambar di rumput karpet yang tumbuh di Kampung Pida 2, semalam.



Rumput karpet yang tumbuh setiap kali musim panas di Kampung Pida 2.



Lokasi rumput karpet menjadi tumpuan pelancong untuk merakamkan gambar kenangan.

FOTO: MOHD FAIDZUDDIN

# KERATAN AKHBAR : UTUSAN MINGGUAN

TARIKH

: 27 FEBRUARI 2019

PERKARA

: PERTANIAN

## Usaha memanfaatkan herba kita



Azmi Abdul Malek

**H**ASRAT kerajaan ingin membantu golongan petani miskin di luar bandar wajar dialu-alukan kerana mereka terpaksa mengalami tekanan hidup tanpa memiliki pendapatan yang sentiasa terjamin. Mereka yang terpaksa menanggung perbelanjaan harian keluarga seperti orang lain kerap kali bersa gesilah apabila harga hasil tanaman mereka seperti getah dan kelapa sawit semakin terjerus di peringkat antarabangsa. Permintaan antarabangsa terhadap minyak kelapa seperti China menyebabkan harganya merudum sekali gus memberi kesan kepada pekebun kecil tempatan.

Pesawahan di utara Semenanjung juga mengalami pelbagai musibah tanaman sehingga menyebabkan hasil keluaran terjejas. Tambahan pula kerajaan sekarang mengurangkan bantuan sara hidup mereka.

Sehubungan itu beberapa langkah perlu diambil oleh pihak berwajib bagi membantu meningkatkan hasil pendapatan harian atau bulanan petani serta pekebun kecil di luar bandar yang semakin terhimpit kehidupan masing-masing. Tidak ada guna dasar baharu digubal bagi memulihkan ekonomi negara sedangkan kesannya



SATU kajian yang lebih mendalam dan serius tentang khasiat ubatan tradisional perlu dilaksanakan oleh agensi yang terlibat. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

gagal mengatasi masalah sebenar dihadapi rakyat miskin seperti petani dan pekebun kecil.

Penggunaan teknologi tinggi dalam sektor pertanian tidak semestinya berjaya mengubah nasib petani dan pekebun kecil terbatik sekiranya mereka masih memiliki saiz tanah seluas kangkang kera. Kerajaan terkini mestи berusaha mendapatkan pendapatan tinggi negara hasil daripada kutipan cukai terhadap industri perdagangan berskala besar supaya ia dapat dimanfaat dan disalurkan semula ke dalam pembangunan pelbagai sektor termasuk bidang pertanian.

Penulis bersetuju dengan cadangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar penggunaan tanah terbilas dalam bidang tanaman kontan dan ternakan

lembu serta kambing dapat dijalankan secepat mungkin terutama melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di setiap negeri melalui agensi kerajaan yang ditubuhkan sebelum ini. Selain ternakan, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan Lembaga Penyataan dan Pemuliharan Tanah Persekutuan (Felcr) memiliki tanah berbilang hektar di negara ini boleh mengusahakan tanaman herba yang semakin mendapat permintaan tinggi dewasa ini.

Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pakar tumbuhan herba terlatih di dalam dan luar negara bersama saintis perubatan tempatan perlu menjalankan kajian tentang khasiat ubatan tradisional secara lebih serius. Kebanyakan ubatan dibual di hospital, farmasi dan klinik diimport

dari negara luar dengan kos agak mahal sedangkan kita ada bahan mentah seperti pokok tumbuhan herba yang mempunyai khasiat lebih kurang sama atau lebih baik. Sikap lebih percaya kepada ubat-ubatan luar negara yang dihasilkan saintis tertentu menyebabkan kita kurang yakin kebolehan sendiri dengan melihat potensi ubat-ubatan herba tradisional tempatan yang boleh dibuat dan dijual sendiri ke negara jiran seperti Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand.

Saintis tempatan kita kelihatan semakin malas menjalankan kajian sendiri di samping Kementerian Kesihatan terlalu ketat memproses dan mengeluarkan lesen menjual ubat yang diproses anak tempatan. Universiti Putra Malaysia (UPM) melahirkan ramai pakar kajian tumbuhan herba yang boleh dimanfaatkan dan dijadikan ubat tanpa memberi kesan sampingan terhadap organ badan jika digunakan dengan cara yang betul tetapi tidak dilakukan sepenuhnya untuk membantu kerajaan dan rakyat keberpentingan dalam perniagaan industri perubatan di negara ini.

Undang-undang perlu digubal bagi mengawal keluarannya di samping proaktif ketika melihat peluang perniagaan baharu negara dalam sektor pembuatan ubat-ubatan tempatan secara besar-besaran. Sekurang-kurangnya ia dapat mengurangkan beban kerajaan dalam menanggung

perbelanjaan memberi ubat percuma kepada rakyat di hospital dan klinik awam serta mengurangkan pengaliran wang tempatan ke negara asing.

Kebanyakan rakyat China sering menggunakan ubat-ubatan herba tradisional tempatan dalam usaha merawat pelbagai penyakit mereka. Percayalah, Allah menyediakan bermacam-macam tumbuhan herba di negara ini yang boleh menyembuhkan pelbagai penyakit tetapi tidak diguna dan diusahakan sepenuhnya. Akhirnya syarikat memonopoli import ubat-ubatan dari Barat ini meraih keuntungan besar sedangkan kerajaan dan rakyat menanggung kosnya yang semakin meningkat. Kos perubatan rakyat akan berkurangan apabila harga ubat-ubatan herba tradisional tempatan berjaya menaungi harga ubat-ubatan yang diimport dari luar negara. Ada kilang ubat-ubatan moden diproses di kilang tempatan dengan menggunakan jenama tempatan, namun formula pembuatannya masih bergantung kepada saintis Barat kerana pengesahan mereka lebih diyakini berbanding saintis tempatan walaupun ada kesan sampingan terhadap penggunaannya.

Fikir-fikirkan cadangan ini secara rasional dengan hati dan minda yang terbuka luas.

**DATUK DR. AZMI ABDUL MALEK** ialah perundung media dan penyelidikan sains politik tanah air.

## KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH

: 27 FEBRUARI 2019

PERKARA

: PERTANIAN

**Kepala Batas:** Kerajaan berusaha mencari kepelbagaian jagung bijian terbaik yang sesuai diusahakan dengan keadaan cuaca dan suhu di negara ini bagi mengurangkan kebergantungan import bekalan makanan haiwan ternakan.

Sehingga kini, kerajaan terpaksa membelanjakan RM3.09 bilion setahun untuk mendapatkan jagung bijian dari luar negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, nilai import itu sangat tinggi dan boleh dikurangkan sekiranya mempunyai varieti jagung bijian yang sesuai.

Berikut itu, katanya, kerajaan meminta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melakukan penyelidikan dalam menyokong program pembangunan industri jagung bijian.

"Cuaca dan suhu di negara ini yang tidak menentu menjadi cabaran kepada kerajaan dalam usaha mengurangkan kebergantungan bekalan luar.



### Cari jagung terbaik atasi kebergantungan import

SIM (kiri) bersama Nizamuddin (kanan) ketika lawatan ke plot jagung bijian di MARDI Seberang Perai.

"Namun, pihak kementerian tetap berusaha mencari penyelesaian dan meminta MARDI melakukan kajian sesuai dengan keadaan iklim di negara ini sebelum dikomersialkan kepada petani," katanya selepas meninjau projek perintis penanaman jagung bijian di MARDI Pulau Pinang, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan.

Terdahulu, MARDI sudah melaksanakan projek penanaman jagung bijian selama dua musim dan memerlukan sedikit masa melakukan

penyelidikan bagi menguji keberhasilannya.

Dalam pada itu, Sim berkata, pihaknya meletakkan sasaran dapat mengurangkan sehingga 30 peratus daripada nilai import sekiranya projek perintis penanaman jagung bijian berhasil menemui varieti bersesuaian.